

**PERANAN BAHASA DALAM MEMULIHARA WARISAN BUDAYA
MELALUI INDUSTRI PELANCONGAN DI RANAU, SABAH**

Jurry Foo

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Institut Kajian Orang Asal Borneo (Boriis)
Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, Sabah.

Emel: jurryfm@ums.edu.my

Abstrak

Artikel ini membincangkan peranan bahasa tempatan dalam industri pelancongan di Ranau, Sabah. Bahasa merupakan identiti bangsa yang boleh menggambarkan latar kehidupan termasuk pemikiran sesuatu kaum atau bangsa. Dalam konteks pemuliharaan budaya warisan, bahasa merupakan aset yang paling mudah diangkat sebagai lambang komuniti yang boleh mengekalkan budaya itu sendiri dengan cara mengoptimumkan penggunaannya. Tindakan pemain industri pelancongan di daerah Ranau menggunakan bahasa Dusun dalam produk pelancongan merupakan strategi bijak memulihara warisan budaya yang boleh dicontohi demi mengekalkan identiti budaya kaum Dusun di Ranau. Maklumat telah dikumpul melalui pemerhatian di lapangan, kajian kepustakaan dan temu ramah tidak formal dengan pengusaha pelancongan secara dalam talian. Hasil kajian mendapati bahawa banyak istilah dalam bahasa daripada Dusun digunakan untuk nama kawasan pelancongan, nama aktiviti, nama program dan nama produk pelancongan berasaskan makanan yang berkaitan dengan pelancongan. Tindakan tersebut didorong oleh beberapa faktor, iaitu pengekalan identiti tempatan, penghayatan budaya dan kehidupan, rasa kepunyaan dan tujuan menonjolkan keunikan identiti. Isu dan cabaran kelangsungan penggunaan bahasa tempatan pula ialah kemasukan pengusaha pelancongan luar dan kadar kecelikan bahasa tempatan yang semakin merosot. Hasil kajian ini boleh penting untuk merancang strategi kelangsungan warisan budaya yang lebih berkesan.

Kata kunci: Bahasa, memulihara, warisan budaya, pelancongan

PENGENALAN

Artikel ini membincangkan peranan bahasa tempatan dalam memulihara warisan budaya melalui industri pelancongan di Ranau, Sabah. Pelan pelancongan di Malaysia pada masa kini tertumpu kepada pelancongan dan budaya sebagai pemanas ekonomi negara dan pengekalan jati diri bangsa dengan melibatkan usaha memperkasakan dan memulihara seni, budaya dan warisan (Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, 2020). Daerah Ranau terkenal sebagai satu daripada destinasi pelancongan utama khususnya di Sabah (Habibah Ahmad, 2000). Daerah yang terletak di kawasan tanah tinggi di kaki Gunung Kinabalu ini kaya dengan perkhidmatan pelancongan, termasuk pelancongan warisan budaya. Pelancongan berdasarkan warisan melibatkan warisan budaya (ketara dan tidak ketara) dan warisan semula jadi (Zuliskandar Ramli *et. al.*, 2015).

Pelancongan budaya dan warisan menjadi faktor tarikan pelancong untuk melawat sesebuah kawasan kerana dorongan untuk mengetahui dengan lebih mendalam keunikan budaya dan warisan tempatan melalui pemerhatian dan pengalaman (Habibah Ahmad *et al.*, 2011). **Nama Ranau** sendiri misalnya diambil daripada istilah dalam **bahasa Dusun bermaksud tanah bencah atau becak**. Takrifan nama tersebut menyimpan makna sebagai nilai warisan yang sangat berharga kerana menceritakan latar belakang persekitaran semula jadi dan pengaruhnya kepada pembentukan budaya hidup masyarakat yang asalnya merupakan **petani yang juga terlibat dengan kegiatan mengutip hasil hutan di sekitarnya**.

Bahasa ialah unsur budaya tidak ketara yang menjadi lambang bangsa. Kelebihan bahasa ialah dapat **menggambarkan pandangan dunia masyarakat yang berhubung kait dengan aspek sosial, persekitaran, budaya dan cara hidup** (Rosalyn Gelunu, 2014). Bahasa mempunyai hubungan erat dengan budaya

masyarakat penuturnya kerana melalui bahasa, adat resam, hasil kesusasteraan dan kesenian serta keilmuan sesebuah masyarakat boleh dikembangkan kepada generasi seterusnya (Petronella Apin dan Kartini Abd Wahab, 2015). Bahasa tempatan pula memindahkan kearifan tempatan (Robert Francis Peter & Yap Yih Ting, 2016). Ini bermakna bahasa ialah nadi budaya yang menentukan keberterusannya.

Budaya ialah sistem yang dinamik kerana manusia memperkenalkan elemen baharu melalui penciptaan dan inovasi (Rohana Yusof, 2014). Budaya juga terbentuk daripada amalan berterusan sesuatu tindakan yang didorong oleh nilai, kepercayaan dan norma sesebuah masyarakat (Jurry, 2019). Tindakan tersebut melibatkan tingkah laku seperti cara kerja yang melambangkan identiti etnik (Rohana, 2014). Budaya juga merangkumi nilai estetika, sejarah, saintifik dan sosial generasi kini dan seterusnya (Yazid Saleh, 2010). Unsur budaya juga berkait rapat dengan kearifan tempatan, kerana sesebuah budaya terbentuk daripada amalan pengetahuan yang berterusan. Pada masa kini, warisan budaya telah menjadi motivasi pelancong, iaitu faktor tarikan yang menyebabkan berlakunya kunjungan ke sesuatu tempat kerana ingin mencari tahu tentang negeri, bangsa dan tempat asing dari aspek tempatan seperti seni, muzik, cerita rakyat, cara hidup harian dan sejarah serta nilai-nilai yang diperlihara oleh manusia (Abdul Kadir Din, 1991; Badaruddin Mohamed & Nikmatul Adha Nordin, 2007).

Pemuliharaan warisan budaya

Istilah warisan berdasarkan tafsiran World Heritage Committee (WHC) 1996 ialah pusaka peninggalan masa silam yang masih diamalkan dan diperturunkan daripada generasi sebelum ini kepada generasi akan datang (Zuliskandar Ramli *et. al.*, 2015). Warisan budaya wujud dalam bentuk tampak dan tidak tampak seperti monumen,

kumpulan bangunan atau harta budaya yang mempunyai nilai estetika, sejarah, saintifik, sosial, arkeologi dan antropologi yang dimiliki oleh sesuatu masyarakat (Yazid Saleh, 2010; Zuliskandar Ramli *et. al.*, 2015).

Pemuliharaan pula ialah tindakan pemberian atau pengubahan, penggunaan semasa yang efisien sambil memelihara bahagian dan ciri harta itu yang penting kepada seni bina bersejarahnya (Jabatan Warisan Negara, 2018). Dalam konteks pemuliharaan budaya, ia melibatkan tindakan memelihara bagi tujuan mengelak berlakunya kemerosotan berterusan dan untuk tujuan menyediakan struktur selamat dan kukuh terhadap sesuatu aset di samping pengekalan warisan yang unik dan tersendiri (Yazid Saleh, 2010).

Konsep pemuliharaan secara umum lebih merujuk kepada usaha mengekalkan atau mepertahankan sesuatu perkara sama ada dalam bentuk objek maupun subjek demi pembangunan dan perubahan manusia dan matlamat (Katiman, 2013). Pemuliharaan warisan budaya tradisional mempamerkan ciri-ciri tradisional yang boleh dianggap warisan sejarah, misalnya rumah kampung yang mempunyai ciri-ciri tradisional seperti tarian tradisional, muzik tradisional, seni yang memaparkan kehidupan serta persembahan seni budaya warisan adalah antara acara yang perlu dalam memajukan pelancongan warisan di sebuah kawasan (Er Ah Choy, 2013). Namun pemuliharan tidak bermaksud menolak permodenan dan statik sebaliknya melibatkan tindakan memelihara, membaik pulih, pembinaan semula, pemulihan dan penyesuaian atau gabungan daripada semua tindakan tersebut (Jurry, 2019a). Malah konsep pemuliharaan daripada perspektif pelancongan lestari bukan sahaja bertujuan untuk memelihara sumber asli daripada rosak atau dieksplotasi tetapi untuk mengoptimumkan penggunaannya (Rohayu Roddin *et.al.*, 2019.). Ini bermakna semakin sesuatu aset dimanfaatkan, maka semakin aset tersebut berpotensi dipulihara.

Natijahnya, mengoptimumkan bahasa tempatan dalam industri pelancongan merupakan satu pendekatan pemuliharaan budaya dan warisan yang pada akhirnya menyumbang kepada kelestarian budaya dan kesejahteraan hidup masyarakat penutur yang mewarisisnya.

KAJIAN LEPAS

Kajian yang memfokuskan penggunaan bahasa tempatan khusus bagi tujuan pemuliharaan budaya dan warisan melalui industri pelancongan masih belum mendapat perhatian utama di Malaysia. Kebanyakan kajian berkaitan bahasa hanya menjadi kajian sampingan dan topik kecil, itu pun menyentuh penguasaan bahasa Inggeris untuk tujuan pelancongan dan pembangunan komuniti tempatan dan beberapa kajian yang mengkaji tabu bahasa Dusun (Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. 2015), kajian bahasa juga banyak ditumpukan kepada penggunaan bahasa, tatabahasa dan dialek dan kebudayaan seperti Minah & Mohd. Sharifuddin Yusop (2015). Namun terdapat beberapa usaha pengkaji yang cuba melihat perkaitan bahasa tempatan dengan aktiviti pelancongan seperti kajian Noraini Abdullah dan Thavamalar Ramamoorty (2019) dalam mengenal pasti faktor penting yang menyumbang kepada industri pelancongan budaya Sabah yang mempunyai kepelbagaian budaya dan bahasa.

Lauren A. Hall-Lew dan Alan A. Lew (2012) dan Alan A. Lew, Lauren Hall-Lew & Amie Fairs. (2014) juga mengkaji ciri bahasa, peranannya serta potensi bahasa sebagai produk pelancongan negeri Sabah. Kedua-dua kajian tersebut menghuraikan peranan umum bahasa dan bagaimana bahasa tempatan di Sabah yang disebut sebagai “bahasa warisan” boleh dioptimumkan untuk industri pelancongan. Kajian ini juga menyebutkan bahasa sebagai sejarah yang hidup (*living history*) di samping mencadangkan beberapa produk pelancongan berdasarkan bahasa seperti aktiviti

belajar bahasa, memasarkan destinasi dengan cara menggunakan bahasa tempatan sebagai nama tempat dan mengintegrasikan kehidupan harian sebagai tarikan pelancongan. Namun, kajian Alan A. Lew, Lauren Hall-Lew & Amie Fairs. (2014) lebih bersifat perbandingan bahasa dalam pelancongan berdasarkan senario di Sabah, Scotland dan Edinburgh yang melihat variasi linguistik sebagai “bahasa komoditi”, iaitu bahasa yang boleh dijadikan sebagai “bahan jualan”.

Kelly et al., (2018) pula menjalankan kajian untuk memahami konteks dan batasan komuniti Haida di Kanada yang dapat meningkatkan peluang bahasa tempatan menggunakan inisiatif pelancongan berasaskan masyarakat untuk keuntungan mereka. Kajian tersebut mendapati bahawa terdapat peluang signifikan yang belum dimanfaatkan untuk menyokong penggunaan bahasa tempatan yang sesuai dengan budaya untuk kesejahteraan penutur dan pengunjung. Oleh itu pengunjung menegaskan untuk menggunakan pengalaman sebagai landasan melibatkan dan meningkatkan nilai bahasa dan bukan hanya menganggap bahasa tempatan sebagai komoditi dalam pelancongan berasaskan komuniti.

Kajian-kajian tersebut menonjolkan signifikan bahasa sebagai produk pelancongan dan bahan pemasaran yang bukan sahaja memanfaatkan manusia tetapi juga budaya masyarakat.

KAEDAH KAJIAN


Kajian telah dijalankan di daerah Ranau dengan menumpu kepada kawasan pelancongan yang popular dan menggunakan bahasa tempatan khususnya bahasa Dusun dalam pengoperasiannya, termasuk kawasan Kundasang dan Bundu Tuhan hingga ke Kg. Tiang Lama yang merupakan sempadan antara daerah Ranau dan Tambunan. Pertembungan budaya dan pembentukan bahasa antara komuniti

sempadan Ranau dan Kota Marudu di Jalan Marak Parak juga menyimpan sejarah penghidupan masyarakat. Maklumat kajian dikumpul melalui pemerhatian di kawasan kajian, kajian kepustakaan dan temu ramah tidak formal dengan pengusaha pelancongan secara dalam talian. Pemilihan Ranau sebagai kawasan kajian bertepatan dengan kehendak kajian kerana daerah ini masih menunjukkan usaha memartabatkan budaya dalam industri pelancongan malahan ia terletak di dalam lingkungan tapak warisan dunia, iaitu Taman Negara Kinabalu yang mendapat pengiktirafan tersebut daripada UNESCO pada tahun 2000 (Pejabat Daerah Ranau, 2011). Maklumat yang dikumpul direkodkan dalam bentuk visual dan dokumentasi bertulis dan dianalisis secara deskriptif. Oleh sebab ini, kajian berbentuk eksploratif, maka data dan hasil analisis kajian dirungkai dan dipersembahkan dalam bentuk penghuraian.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan bahasa Dusun dalam industri pelancongan

Pemulihan dan pemuliharaan ialah usaha memperkenalkan semua sesuatu aset (Jurry, 2019). Industri pelancongan di Ranau terkenal dengan unsur tradisi masyarakat tempatan, khususnya penggunaan istilah daripada bahasa tempatan secara meluas dalam aspek pelancongan, iaitu bahasa Dusun yang dituturkan oleh majoriti populasi daerah tersebut. Tindakan tersebut dapat dilihat melalui penamaan tempat, nama aktiviti, nama program dan nama produk pelancongan berasaskan makanan (Rajah 1).



Rajah 1: Penggunaan bahasa tempatan dalam industri pelancongan di Ranau, Sabah.

i. Nama tempat

Nama-nama bagi tempat pelancongan di Ranau banyak menggunakan istilah daripada bahasa Dusun yang merupakan bahasa utama yang dituturkan oleh majoriti penduduk daerah ini. Walaupun telah kelihatan penggunaan bahasa asing dalam sesetengah kawasan pelancongan, namun usaha mengekalkan istilah dalam bahasa tempatan masih wujud. Banyak Rumah Inap (*Homestay*) diberikan nama seperti *Sulap* (pondok atau rumah kecil), *Walai Tokou* (Rumah kita), *Suang Noh* (Masuklah), *Sinurambi* (mempesonakan) dan *Kou pusan* (kesayangan atau orang tersayang). Ini bukan sahaja merupakan faktor tarikan keunikan nama tempat namun sekali gus menjadi batu loncatan dalam mempromosikan bahasa Dusun dan penuturnya.

Kawasan-kawasan pendakian di Ranau yang dibuka untuk pengunjung juga secara umumnya menggunakan nama tempatan. Istilah “Nulu” bermaksud bukit atau puncak. Penggunaan kata “Nulu” untuk nama sesebuah tempat mendaki menunjukkan bahawa kawasan tersebut dihuni atau dimiliki oleh komuniti berketurunan Dusun, misalnya *Nulu Tinorindak*, di Kundasang dan *Nulu Nosorob*, di Kg. Karanaan, Ranau. Tempat-tempat ini lazimnya mempunyai sejarah kepada komuniti sejak turun-temurun kerana kebanyakan kawasan ekosistem hutan ialah sumber kepada hasil

hutan dan tempat suci, khususnya bagi aktiviti memburu, mengutip hasil hutan dan juga upacara spiritual.

Wujud taman tema di Ranau menggunakan istilah daripada bahasa Dusun seperti *Kinomulok Garden*. Perkataan *Kinomulok* bermaksud paling muda atau bongsu. *Kinomulok* sangat istimewa kerana menyimpan cerita mitos dalam masyarakat Dusun mengenai puteri kayangan yang berkahwin dengan manusia. Nama *Kinomulok* sesuai dengan taman tema tersebut kerana menyediakan kemudahan yang indah selesa sinonim dengan “kayangan” yang sentiasa digambarkan sebagai tempat yang indah.

Terdapat juga kawasan kunjungan yang berlatar belakang legenda dan mitos tentang *Nunuk Ragang*, di Hulu Labuk, Ranau. *Nunuk Ragang* bermaksud pokok ara berwarna merah yang dipercayai oleh kaum Dusun sebagai nama tempat asal usul nenek moyang masyarakat tersebut (Pejabat Daerah Ranau, 2011). Pengekalan nama *Nunuk Ragang* menyumbang kepada pengekalan legenda dan menjadi penghayatan hidup masyarakat. Penamaan landskap pelancongan menggunakan bahasa tempatan atau bahasa warisan di Sabah dilihat oleh Lauren A. Hall-Lew dan Alan A. Lew. (2012) sebagai strategi pemasaran yang boleh menarik perhatian pelancong.

ii. Nama aktiviti

Banyak aktiviti yang dijalankan dalam industri pelancongan di Ranau mengetengahkan bahasa tempatan bagi tujuan mengekalkan bahasa dan budaya dan membangkitkan rasa kekitaan serta mewujudkan suasana “balik kampung”. Misalnya di Kg. Tiang Lama, aktiviti ekopelancongan yang ditawarkan untuk menikmati *Taralama River Canyon* adalah dengan menjalankan aktiviti “*Suminulok*” dan “*Suminuang*” yang masing-masing berkaitan dengan penerokaan ke kawasan pelancongan tersebut. Ini dicatatkan di dalam sijil pengunjung, iaitu “*Suminulok*

Bawang Widu” (menyusuri Sungai Widu) dan “*Suminuang do Taralamas River Canyon*” (masuk ke Taralamas River Canyon).

Bagi aktiviti penguatkuasaan pemuliharaan kawasan pelancongan pula, denda yang disebut sebagai “*sogit*” menjadi tanda kesungguhan komuniti tempatan untuk mempertahankan persekitaran mereka menggunakan adat dan peraturan yang disebut adat kampung, iaitu peraturan yang dikuatkuasakan di bawah Institusi Anak Negeri Sabah. Penggunaan perkataan *sogit* dalam *monogit* (tindakan menjatuhkan denda atau hukuman) menunjukkan bahawa istilah dalam bahasa tempatan mempunyai nilai budaya tersendiri. Tujuan *monogit* adalah untuk (i) memohon kebenaran melakukan aktiviti melibatkan sumber dan (ii) bayaran denda kerana melanggar adat (Jurry Foo dan Dg. Fairuzzimah, 2020). Oleh itu, *sogit* dianggap sebagai denda adat memulihkan keharmonian kampung (Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. 2015.)

iii. Nama program

Antara program popular yang dikekalkan namanya menggunakan bahasa tempatan di Sabah adalah dalam pelaksanaan sistem *tagal*. Perkataan “*tagal*” dan “*bombon*” diambil daripada bahasa Kadazan dan bahasa Dusun yang merujuk kepada tindakan larangan (Jurry, 2019). Perkataan ini dikekalkan untuk menunjukkan adaptasi program tersebut daripada adat dan budaya orang Dusun dan Kadazan yang paling awal mengamalkan sistem tersebut secara. Bagi kawasan yang mempunyai populasi etnik Kadazan sebagai kumpulan majoriti maka istilah “*Tagal*” digunakan, manakala di kawasan yang lebih kepada populasi etnik Dusun maka istilah “*Bombon*” digunakan dan ini dapat menggambarkan taburan komuniti mengikut subetnik.

Manakala perayaan dan festival yang dijalankan juga cuba mengekalkan istilah tempatan seperti Tadau Kaamatan (Pesta Menuai- padi), Karnival Budaya ‘Kanou


Moginakan” yang merupakan penjenamaan semula program “Sunduan Nunuk Ragang” yang diadakan secara tahunan di Ranau.

iv. Nama produk pelancongan berdasarkan makanan

Ranau merupakan daerah pengeluar hasil pertanian dan makanan terutamanya sayur-sayuran dan buah-buahan khususnya di Sabah. Ramai ahli komuniti turut terlibat dalam penghasilan produk hiliran terutamanya produk makanan tempatan bercirikan tradisional berdasarkan sayuran, buah-buahan dan hasil hutan. Antara produk makanan yang mendapat popular ialah pelbagai jenis daging disalai (**Sinalau payau, sinalau bakas dan sinalau manuk**) dan pelbagai jenis jeruk (**Bosou, jeruk bambangan, jeruk tuhau**) yang keseluruhannya masih mengekalkan nama asalnya.

Tujuan menggunakan bahasa tempatan

Hasil kajian mendapati bahawa banyak istilah bahasa dariapda Dusun digunakan untuk nama kawasan, nama aktiviti, nama program dan nama produk makanan yang berkaitan dengan pelancongan. Tindakan tersebut didorong oleh beberapa faktor, iaitu pengekalan identiti tempatan, penghayatan budaya dan kehidupan, rasa kepunyaan dan bagi menonjolkan keunikan identiti (Rajah 2).



Rajah 2: Tujuan menggunakan bahasa tempatan dalam industri pelancongan.

i. Pengekalan identiti tempatan

Pelancongan menyedarkan penduduk untuk memelihara warisan budaya (Habibah Ahmad, 2000). Bertutur dalam sesuatu bahasa secara berterusan mencerminkan diri penuturnya. Oleh itu, pennggunaan bahasa tempatan dalam industri pelancongan sudah pasti akan mengekalkan identiti masyarakatnya. Bahasa juga dianggap sebagai perantara untuk menggambarkan budaya mereka. Oleh itu, pengusaha pelancongan di daerah Ranau telah mengambil inisiatif menggunakan bahasa tempatan bagi menambah nilai tarikan pelancongan.

ii. Penghayatan budaya dan kehidupan

Bahasa mempunyai makna budaya dan kehidupan yang menjadi penyimpan kepada kearifan tempatan masyarakat tempatan (Robert Francis Peter & Yap Yih Ting, 2016); Lauren A. Hall-Lew dan Alan A. Lew, 2012). Penggunaan bahasa tempatan dalam operasi pelancongan menjadi pembuka cerita kepada pencarian maklumat yang lebih mendalam. Soalan yang biasa ditanya adalah mengenai legenda “Akinabalu” melalui nama Gunung Kinabalu.

iii. Rasa kepunyaan

Kajian mendapati bahasa menggunakan bahasa tempatan dalam operasi pelancongan menarik perhatian pelancong dan komuniti sendiri, mereka menganggap bahawa “menggunakan bahasa sendiri macam kita bersama-sama orang sendiri (saudara sendiri)”. Ini mewujudkan suasana yang selesa dan saling terima. Seringkali melawat ke kawasan pelancongan di Ranau, ada sapaan dalam bahawa Dusun, seperti “kopisanangan” dan “pounsikou”. Ini menunjukkan nilai hormat-menghormati, penghargaan dan saling terima antara satu sama lain.

iv. Menonjolkan keunikan identiti

Pelancongan budaya menonjolkan budaya tradisional, budaya popular dan kontemporari penduduk tempatan sebagai promosi dalam industri pelancongan (Awangku Hassanal Bahar et.al., 2013). Aktiviti pelancongan yang dijalankan dapat memperkenalkan keunikan budaya Malaysia ke seluruh dunia (Ahmad Tharmizie Mat Jusoh *et al.*, 2011). Menggunakan bahasa Dusun menonjolkan keunikan orang Ranau yang boleh memahami antara satu sama lain walaupun mempunyai sekurang-kurangnya 12 subetnik Dusun yang mempunyai dialek masing-masing. Ini belum termasuk penutur bahasa Dusun dari daerah lain yang berhijrah ke Ranau.

PERBINCANGAN

Implikasi mengoptimumkan bahasa tempatan

Budaya warisan ilah milik masyarakat secara turun-temurun, dihargai dan penting dalam konteks evolusi sosial dan budaya masyarakat itu sendiri (Zuliskandar Ramli *et. al.*, 2015). Aktiviti pelancongan dan kedatangan pelancong dapat memberikan nilai komersial kepada budaya tempatan (Ahmad Tharmizie Mat Jusoh *et al.*, 2011). Kesan daripada mengoptimumkan bahasa tempatan semestinya memanfaatkan komuniti (Rajah 3).



Rajah 3: Implikasi mengoptimumkan bahasa tempatan dalam industri pelancongan.

i. Manfaat kepada komuniti

Pembangunan pelancongan budaya menyumbang kepada meningkatkan daya tarikan destinasi untuk pasaran pelancongan, tetapi juga membantu meningkatkan kualiti hidup masyarakat setempat (Awangku Hassanal Bahar *et.al.*, 2013). Pelancongan budaya membuka peluang kepada masyarakat tempatan untuk menceburkan diri dalam bidang perniagaan berasaskan pelancongan kearifan tempatan dan budaya.

ii. Pemuliharaan budaya

Penggunaan bahasa ialah kaedah “muziumisasi”, iaitu berkaitan usaha menyimpan dan meulihara budaya (auren A. Hall-Lew dan Alan A. Lew. (2012). Bahasa mampu membantu memulihara budaya kerana bahasa ialah medium pemindahan kearifan tempatan (Robert Francis Peter & Yap Yih Ting, 2016). Pelancongan budaya telah menjadi institusi pendidikan tidak formal kepada masyarakat tempatan dan pengunjung dalam mempelajari budaya orang Dusun di Ranau. Bagi komuniti tempatan, kehadiran pelancong akan mendorong mereka mengekalkan cara hidup harian yang dianggap menarik bagi pengunjung.

iii. Kesedaran komuniti

Budaya berperanan dalam mempromosikan keamanan dan keharmonian antara pelbagai bangsa dan masyarakat, maka masyarakat perlu jelas mengenai makna budaya itu sendiri (Ahmad Tharmizie Mat Jusoh *et al.*, 2011). Pelancongan berasaskan seni dan budaya boleh menyumbang kepada pengekalan jati diri (Kementerian Pelancongan, seni dan Budaya, 2020). Justeru penggunaan bahasa tempatan dalam industri pelancongan mendorong usaha komuniti untuk mencari maklumat dan memahami makna setiap istilah yang mereka warisi daripada leluhur. Ini sekali gus akan membangkitkan kesedaran dalam kalangan komuniti terhadap nilai

budaya sendiri. Ini jelas terlihat apabila semakin ramai pengusaha menggunakan bahasa tempatan dalam pengoperasian pelancongan.

Isu dan cabaran kelangsungan bahasa tempatan

Bahasa tempatan sememangnya unik dan menarik, ia amat penting untuk dikuasai. Walau bagaimanapun, seperti aspek budaya yang lain, kelangsungan bahasa turut mendepani pelbagai isu dan cabaran. Habibah *et.al.*, (2011) dalam kajiannya mengenai pelancongan budaya mendapati beberapa perkara yang menjadi isu dalam pembangunan industri tersebut termasuk keaslian budaya, politik, pewarisan, kemudahan jaringan pengangkutan dan isu bahasa. Namun bagi daerah Ranau, isu yang ketara ialah keaslian budaya dan pewarisan. Ini kerana kemudahan jaringan pengangkutan adalah pada tahap memuaskan, kebanyakan destinasi pelancongan sudah dapat diakses.

Isu bahasa tempatan mahupun dialek belum pernah timbul dalam kalangan masyarakat tempatan di Ranau walaupun ia dihuni sekurang-kurangnya 12 subetnik Dusun. Berdasarkan data daripada Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah pada tahun 2008, subetnik Dusun di Ranau terdiri daripada Bundu, Liwan, Tinagas, Lobu, Kondoung, Sungai, Kogosingan Kolikuan, Kapazan, Kinasaraban, Tompulung dan Talantang (Aduka Jasnin, 2018.). Kebijaksanaan masyarakat daerah Ranau menyebabkan kepelbagaian bahasa menjadi kelebihan yang berpotensi untuk dijadikan sebagai tarikan pelancongan. Buktinya ialah tindakan mengoptimumkan bahasa Dusun dalam industri pelancongan.

Dalam konteks politik, kegiatan pelancongan warisan sangat digalakkan, buktinya pewujudan pusat informasi pelancongan, pembentukan persatuan pelancongan seperti Persatuan Pelancongan Ranau (RATA) dan dana bantuan

membangunkan industri pelancongan di daerah Ranau misalnya peruntukan membina muzium tamadun warisan Ranau pada tahun 2017 serta dana sokongan penganjuran program seperti *Tadau Kaamatan* dan “*Sunduan Nunuk Ragang*”. Dari segi penguatkuasaan peraturan sama ada berkaitan pelaksanaan atau operasi kawasan pelancongan di Sabah, walaupun peraturan dan undang-udang di peringkat persekutuan telah digubal, namun uniknya Sabah ialah Sabah mempunyai peraturan kampung di bawah kuasa Mahkamah Anak Negeri yang boleh dirujuk bagi hal-hal tempatan. Di samping itu, pihak berkuasa tempatan sering memberikan sokongan kepada aktiviti dan program yang bersifat budaya yang dimiliki oleh komuniti tempatan di Ranau seperti program “*Jejak Etnik Dusun Liwan* pada tahun 2018”.

Pelancong yang bermotifkan budaya lazimnya menginginkan ketulenan (Ahmad Tharmizie Mat Jusoh *et al.*, 2011). Isu keaslian budaya sememangnya seringkali menjadi persoalan dalam kalangan kumpulan dan persatuan berdasarkan etnik. Namun apakan daya kerana budaya bersifat dinamik (Rohana Yusof, 2014). Perubahan budaya sukar dielakkan pada masa kini kerana kelemahan dari segi pemahaman, dokumentasi bahan budaya, sosialisasi dan perkahwinan campur. Walau bagaimanapun, dari sudut pandangan lain, perubahan budaya mengikut keadaan semasa memberikan kelebihan kepada komuniti sendiri. Pengubahsuaian dan penambahbaikan dalam meningkatkan daya tarik pelancong ke Ranau adalah dengan mengekalkan budaya termasuk bahasa yang mudah diterima oleh pengunjung. Misalnya, penubuhan kumpulan pejuang budaya yang mengangkat martabat muzik berdasarkan alat muzik bambu dengan ubah suai susunan lagu dan cara pakaian telah menarik minat pengunjung dan menjadikan hasil inovasi itu terus relevan dan mudah diterima oleh generasi muda. Walaupun instrumen muzik dan pakaian diubah suai,

namun bahasa dan genre muzik masih dikekalkan dengan mengangkat rentak sumazau sebagai genre muzik utama.

Isu pewarisan sering dianggap sebagai masalah terbesar yang dihadapi oleh mana-mana aset budaya khususnya dalam persesembahan kesenian tradisional dan keinginan masyarakat untuk mempunyai anak-anak berkelulusan universiti untuk pekerjaan berkerjaya dan bertaraf tinggi (Habibah *et.al.*, 2011). Malah penghijrahan keluar oleh generasi muda daripada sesuatu tempat boleh menyumbang kepada kegagalan mandiri penduduk di kawasan pelancongan (Ramzah Dambul dan Amriah Buang, 2008). Namun, uniknya di daerah Ranau pada Revolusi Industri 4.0 ini, ramai generasi muda dengan sukarela melibatkan diri dalam industri pelancongan sama ada sebagai pengusaha, pekerja mahupun penyelidik. Industri ini dirancakkan lagi dengan penglibatan pengusaha pelancongan muda yang terdiri daripada graduan pelbagai institusi pengajian tinggi yang mengusahakan tanah warisan keluarga.

Kesimpulan

Malaysia bertuah kerana kaya dengan adat dan budaya warisan menyebabkan potensi untuk meningkatkan industri pelancongan berdasarkan warisan adalah sangat besar berdasarkan kepada penawaran produk pelancong sedia ada. Kekayaan budaya ini merupakan kelebihan untuk menjadikan daerah Ranau semakin menarik untuk dikunjungi. Bahasa tempatan, khususnya bahasa Dusun dilihat sebagai bahasa yang mempunya nilai pelancongan yang tinggi dan penting bagi komuniti di Ranau sebagai deposit kelangsungan budaya. Oleh itu bahasa tempatan perlu dioptimumkan secara bijak. Ini bagi mengelakkan perkembangan pelancongan berdasarkan budaya warisan memberikan ancaman kepada budaya masyarakat tempatan.

Rujukan

- Adul Kadir Din. 1991. (Terj.). Pelancongan. Impak Ekonomi, fizikal dan sosial. Kuala Lumpur: DBP.
- Aduka Jasnin. 2018. Kerajaan negeri sentiasa beri sokongan, bantuan program budaya dan seni: Masidi. New Sabah Times. 27 March 2018. <http://www.newsabahtimes.com.my/nstweb/fullstory/22657>. [10/10/20]
- Ahmad Tharmizie Mat Jusoh, Jabil Mapjabil, Ruzanna Syamimi Ramli & Mohamad Pirdaus Yusoh. 2011. Persepsi Komuniti Tempatan Terhadap Pelancongan Budaya di Wilayah Utara Semenanjung Malaysia. Prosiding. Prosiding PERKEM VI, Jilid 2. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI). P.459 – 466.
- Alan A. Lew, Lauren Hall-Lew & Amie Fairs. 2014. Language and Tourism in Sabah, Malaysia and Edinburgh, Scotland
- Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul, Janie Liew-Tsonis, Charlie Albert Lasuin, Juliana Langgat, Andy Lee Chen Hiung, Toh Pei Sung, Andi Tamsang Andi Kele, Borhan Sareya and Ruby Salam Abdul Latip.2013. The Visitors' Perceptions Of Organizing Street Dance Competition In Promoting Domestic Tourism. BIMP-EAGA Journal for Sustainable Tourism Development. Volume 1. No. 1.
- Badaruddin Mohamed & Nikmatul Adha Nordin.2007. Perancangan Pelancongan. Kuala Lumpur: DBP
- Er Ah Choi. 2013. Pembangunan pelancongan lestari di Melaka: Perspektif pelancong. GEOGRAFIA. Malaysian Journal of Society and Space 9 issue 3 (12 - 23) 12 © 2013, ISSN 2180-2491
- Habibah Ahmad. 2000. Ekopelancongan dan Persekutaran di Sabah. Dlm. Sabah dalam Perluasan Kuasa. Kuala Lumpur: DBP.
- Habibah Ahmad, Hamzah Jusoh, Chamhuri Siwar, Shahrudin Mohd Zairin Akma Zolkapli & Mohamad Shukri Hj Noor. 2011. Pelancongan Budaya di Koridor Ekonomi Wilayah Pantai Timur (ECER): Isu dan

- Cabaran.Prosiding.Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI). Prosiding PERKEM VI, JILID 1. 614 – 623.
- Jabatan Warisan Negara. 2018. Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] <http://www.heritage.gov.my/ms/kenali-kami/akta-warisan-kebangsaan-2005>. [27/9/2018].
- Jurry Foo & Dg. Fairuzzimah Ag. Samara. 2020. Sistem Bombon: Memartabatkan Budaya Orang Asal Dalam Pengurusan Sistem Biosfera. Dlm, Kearifan Lokal Orang Asal Mendepani Rencah Abad ke-21. Batu Pahat: UTHM.
- Jurry Foo. 2019. Penerapan adat dan budaya dalam pengurusan sistem biosfera melalui pelaksanaan sistem tagal. Kertas kerja. Persidangan Antarabangsa sastera dan budaya. Kota Kinabalu, Sabah.
- Katiman Rostam. 2013. Ketirisan budaya: dampak terhadap alam sekitar dan manusia. *GEOGRAFI*, 1(1), 23-47.
<http://202.45.132.61/index.php/GEOG/article/view/290>.
- Kelly Whitney-Gould, Pamela Wright, Jason (Gaagwiis) Alsop, Anna Carr.. 2018. Community assessment of Indigenous language-based tourism projects in Haida Gwaii (British Columbia, Canada). *Journal of Sustainable Tourism* 26:11, pages 1909-1927.
- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. 2020. Bajet Pelancongan 2020. https://www.treasury.gov/pdf/bajet/maklumat_bajet_kerajaan/2020/perbelanjaan/B.31_P.31.pdf. [10/10/20]
- Lauren A. Hall-Lew dan Alan A. Lew. 2012. Language, Identity & Tourism in Sabah, Malaysian Borneo. Pembetangan. IGU Pre-Conference Symposium Transforming and Managing Destinations. Trier, Germany, 22-25 Augus. https://www.ak-tourismusforschung.org/mediapool/139/1391436/data/Veranstaltungen/JT_2012_IGU/X_3_Lew_Language_Heritage.pdf. [1/10/20].
- Minah & Mohd. Sharifuddin Yusop (2016), Kepelbagaiannya dialek dalam keluarga Dusunik: Analisis Ciri Leksikal. Jurnal RUMPUN. Vol. 4. <http://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/57>. [1/10/20].
- Noraini Abdullah dan Thavamalar Ramamoorthy (2019). Diversified Cultures Via Tourism As Sabah'S Heritage: A Modelling Approach Using Analytic Hierarchy Process. Asian Journal of Arts, Culture and Tourism. Vol. 1 (1), 32-41. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ajact>. (1/10/20].

- | | | | | | |
|---------|--------|--------|-------|--------|--------------|
| Pejabat | Daerah | Ranau. | 2011. | Tempat | Pelancongan. |
|---------|--------|--------|-------|--------|--------------|
- <http://ww2.sabah.gov.my/pd.rnu/tamankinabalu.html>. [10/10/2020].
- Petronella Apin & Kartini Abd Wahab. 2015. Tabu Bahasa Dalam Masyarakat Dusun di Daerah Ranau, Sabah. *Jurnal Melayu*. Bil. 14(2). p. 224 -239.
- Ramzah Dambul & Amriah Buang. 2008. Memahami Permasalahan Pelancongan di Kundasang, Sabah: Kekuatan dan Kelemahan Pendekatan Positivisme. *GEOGRAFIA OnlineTM Malaysian Journal of Society and Space* 4. 20 - 31. Bangi: UKM
- Robert Francis Peter & Yap Yih Ting, 2016. Protection of Rafflesia through the Appreciation of the Dusun Indigenous Knowledge; A Preliminary Case Study at Poring-Sabah. *Journal of Tropical Biology and Conservation* <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jtbc/issue/view/46>. Kota Kinabalu: UMS.
- Rohana Yusof. 2014. *Asas Sains Sosial dari Perspektif Sosiologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohayu Roddin, Yusmarwati Yusof, Marina Ibrahim Mukhtar, Mimi Mohaffyza Mohamad, Abdul Rasid Abdul Razzaq, Siti ‘Afiat Jalil & Tun Ili Ayuni Ahmad Hariri. . 2019. Keupayaan Komuniti Orang Asli Suku Kaum Seletar Di Johor Bahru Melalui Keusahawanan Berasaskan Pelancongan. *International Journal of Social Science Research* . Vol. 1(2). P.9-22. <http://myjms.moe.gov.my/index.php/ijssr>. [30/9/2020].
- Zuliskandar Ramli , Mazlin Mokhtar , Muhammad Rizal Razman & Sharifah Zarina Syed Zakaria. 2015. Pelancongan Berasaskan Warisan di Malaysia: Potensi dan Cabaran. Prosiding. Seminar Antarabangsa ke 8: Ekologi, Habitat Manusia dan Perubahan Persekutaran 2015. Bangi: UKM. P.471-484.